

AKHBAR : BERITA HARIAN
MUKA SURAT : 15
RUANGAN : NASIONAL

Penyakit kusta terkawal, pesakit tak perlu diasing

KKM gesa orang ramai beri kerjasama ketika pengesanan kes dijalankan

Oleh **Essa Abu Yamin**
essabuyamin@bh.com.my

Kuala Lumpur: Kementerian Kesihatan (KKM) memberi jaminan situasi penyakit kusta di Kuala Pilah, Negeri Sembilan terkawal dan pesakit tidak perlu lagi diasingkan kerana terdapat rawatan yang berkesan.

KKM menerusi kenyataan semalam, memaklumkan orang ramai diminta memberi kerjasama kepada pasukan kesihatan ketika pengesanan kes dijalankan.

"Aktiviti pengesanan kes dan

kontak serta langkah pencegahan dan kawalan jangkitan masih diteruskan. Mana-mana individu yang mempunyai gejala seperti penyakit kusta perlu mendapatkan rawatan di fasiliti kesihatan berhampiran.

"Setakat 19 Februari, Jabatan Kesihatan Negeri (JKN) Negeri Sembilan sudah menjalankan saringan ke atas 368 daripada 460 penduduk sebagai langkah memperingatkan pengesanan kes di Kampung Chergun dan Kampung Guntur, Kuala Pilah," katanya.

Menurut kenyataan itu, langkah terbabit adalah sebahagian daripada usaha mencari dan mengesan kes secara bersasar di lapangan sejak Julai 2024 dan sehingga kini sembilan kes disahkan kusta dengan semua pesakit sudah diberi rawatan mengikut garis panduan ditetapkan.

"Seorang daripada pesakit berusia 18 tahun dari Kampung Chergun meninggal dunia pada

Remaja maut,
8 lagi Orang
Asli dijangkiti
wabak kusta



Keratan
akhbar
BH
kelmarin.

17 Februari lalu.

"Sebelum itu, pesakit dimasukkan ke Hospital Tuanku Ampuan Najihah (HTAN) selepas mengalami gejala demam, sakit perut, muntah dan diberi rawatan oleh Pakar Perubatan Dalaman HTAN serta khidmat konsultasi dari Gastroenterologi, Hepatologi dan Dermatologi," katanya.

Kes baharu tempatan

Dalam perkembangan berkaitan, KKM memaklumkan bilangan kes kusta yang dilaporkan tahun lalu menunjukkan peningkatan kepada 292 kes atau 14 peratus berbanding 256 kes pada 2023 dan

daripada 292 kes itu, 192 kes atau 66 peratus membabitkan kes baharu tempatan.

Bagaimanapun, KKM berkata, peningkatan itu adalah hasil mencari dan mengesan kes secara bersasar di lapangan supaya kes dikesan awal dan diberikan rawatan segera bagi mengurangkan dan mencegah komplikasi penyakit serta kecacatan kekal.

"Pengesanan kes secara aktif dalam kalangan golongan berisiko dan di lokaliti endemik adalah fokus utama program kawalan kusta kebangsaan.

"Pengesanan awal kes dan kontak rapat dapat mengawal penyakit daripada merebak, manakala rawatan awal dapat mengurangkan dan mencegah komplikasi dan kecacatan kekal," katanya.

Pemberian rawatan profilaksis *Single Dose Rifampicin* kepada kontak rapat dan komuniti berisiko dilaksanakan 2023 sebagai langkah pencegahan.

AKHBAR : SINAR HARIAN
MUKA SURAT : 2
RUANGAN : NASIONAL

Sinar Harian m/s 2 Sabtu 22/2/25 Nasional

JKN Pulau Pinang rampas gummy berbentuk mata

GEORGE TOWN - Jabatan Kesihatan Negeri (JKN) Pulau Pinang menyita produk gula-gula kenyal berbentuk bebola mata di sebuah premis di Jalan Sungai Dua, Butterworth dekat sini, Rabu lepas.

Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan dan Sukan negeri, Daniel Gooi Zi Sen berkata, sita-

an itu dibuat hasil pemeriksaan penguat kuasa JKN Pulau Pinang ke atas gerai-gerai di kawasan sekitar sekolah murid Tahun Empat yang meninggal dunia akibat tercekik gula-gula kenyal jenis *gummy* itu.

"Hasil siasatan awal mendapati gula-gula terabit dipercayai diperolehi dari gerai berhampiran sekolah dan menerusi pemeriksaan ke gerai-

gerai di kawasan sekitar, pasukan penyiasat menjumpai produk gula-gula itu di sebuah premis," katanya dalam satu kenyataan yang dikeluarkan pada Jumaat.

Beliau berkata, JKN Pulau Pinang kini sedang melakukan siasatan lanjut berkaitan keselamatan produk makanan itu dan tindakan selanjutnya akan diselaraskan pada peringkat ibu pejabat Program Keselamatan

dan Kualiti Makanan, Kementerian Kesihatan.

"Pihak JKN Pulau Pinang akan terus menjalankan aktiviti pemantauan dan penguatkuasaan keselamatan makanan serta mengambil langkah-langkah pencegahan bagi mengelakkan kejadian seumpama ini berulang," katanya.

Daniel turut menyarankan kepada orang ramai terutama

ibu bapa agar memantau dan menasihati anak-anak mereka supaya lebih berhati-hati dalam pemilihan makanan terutama makanan yang mempunyai risiko tercekik.

"Sehubungan dengan itu, sebarang pengambilan apa-apa makanan untuk kanak-kanak hendaklah berada di bawah pengawasan ibu bapa atau penjaga," katanya.

AKHBAR : BERITA HARIAN
MUKA SURAT : 6
RUANGAN : NASIONAL

Berita Harian m/s 6 Sabtu 22/2/25 Nasional
Kés kanak-kanak mati tercekik 'gummy'

Jabatan kesihatan rampas gula-gula

Tahap keselamatan produk disiasat pastikan kejadian timpa murid tidak berulang

Oleh Zuhainy Zulkiffli dan Siti Aminah Mohd Yusof
bhnews@bh.com.my

Georgetown: Jabatan Kesihatan Negeri Pulau Pinang (JKNPP) menyerbu gerai di luar sebuah sekolah di Sungai Dua, Butterworth dan merampas gula-gula kenyal berbentuk mata, dipercayai punca kematian murid berusia 10 tahun.

Jabatan berkenaan kini sedang menjalankan siasatan berhubung tahap keselamatan produk makanan itu susulan kematian Mohamad Fahmi Hafiz Mohamad Fakhruddin kelmarin, dua hari selepas dipercayai tercekik dalam kejadian Selasa lalu.

EXCO Belia, Sukan dan Kesi-

hatan Pulau Pinang, Daniel Gooi Zi Sen, berkata tindakan susulan akan diselaraskan di peringkat Ibu pejabat Kementerian Kesihatan (KKM) menerusi Program Keselamatan dan Kualiti Makanan.

"Hasil siasatan awal mendapati gula-gula itu dipercayai diperoleh dari gerai berhampiran sekolah mangsa.

"Pasukan penyiasat JKNPP melakukan pemeriksaan di premis yang dikenal pasti di Jalan Sungai Dua sebelum menyita gula-gula kenyal itu.

"JKNPP akan terus menjalankan pemantauan dan penguatkuasaan keselamatan makanan serta mengambil langkah pencegahan bagi mengelak kejadian serupa ini berulang," katanya menerusi kenyataan, semalam.

Zi Sen menasihatkan orang ramai, terutama ibu bapa memantau anak dan lebih berhati-hati dalam pemilihan makanan, khususnya yang mempunyai risiko tercekik.

"Sebarang pengambilan makanan bagi kanak-kanak hendaklah berada bawah pengawasan ibu bapa atau penjaga," katanya mewakili kerajaan negeri menyam-



Tinjauan mendapati beberapa penjaja menjual makanan ringan di tepi jalan berdekatan Sekolah Kebangsaan Sungai Dua dan Kelas Al-Quran dan Fardhu Ain (KAFA) Sungai Dua di Butterworth, semalam.

(Foto Siti Aminah Yusof)

paikan ucapan takziah kepada keluarga mangsa dan semoga mereka tabah menghadapi dugaan ini.

Media sebelum ini melaporkan, Mohamad Fahmi Hafiz, berada dalam keadaan kritikal, dipercayai tercekik gula-gula kenyal dibeli di luar kawasan Kelas-Quran dan Fardhu 'Ain (KAFA) di Sungai Dua.

Dalam kejadian jam 2.30 petang itu, kanak-kanak berkenaan dikatakan rebah ketika hendak ke tandas sebelum gurunya menghubungi pasukan perubatan.

Mangsa bagaimanapun meninggal dunia di Hospital Pulau Pinang, kira-kira jam 11 malam Khamis.

Penjaja akui terkesan

Sementara itu, penjaja yang ditemui di sekitar sekolah berkenaan semalam, mengakui terkesan dengan insiden terbabit.

Hanya tiga premis dilihat menjual makanan ringan seperti keropok, gula-gula, minuman berkarbonat dan pencuci mulut di luar sekolah, tiada lagi produk gula-gula kenyal berbentuk be-

bola mata kelihatan.

Gerai terletak antara 50 hingga 100 meter dari sekolah itu juga dilihat menjadi tumpuan murid yang singah membeli makanan sementara menunggu dijemput ibu bapa masing-masing selepas tamat sesi persekolahan.

Peniaga makanan ringan yang hanya mahu dikenali sebagai Kak Su, 46, mengakui turut diperiksa JKNPP pada Rabu dan Bahagian Pelesenan Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP) semalam, namun menegaskan sudah lama tidak menjual gula-gula sedemikian.

"Mereka datang periksa sahaja, tidak sita atau ambil apa-apa barang jualan saya.

"Rasa sedih dan terkesan orang pandang macam kami buat salah," katanya yang berniaga makanan ringan secara sampingan, selain menjual pisang goreng.

"Saya pun pilih juga makanan nak dijual kepada budak sekolah. Ada snek macam keropok dan jajan kecil-kecil saja sekarang. Gula-gula 'gummy' mata itu memang lama sangat tak jual sebab saya rasa tak sesuai budak makan," katanya.

JPN pantau penjaja lebih ketat

Putrajaya: Jabatan pendidikan negeri (JPN) akan memantau secara ketat penjaja di luar kawasan, bagi menjamin keselamatan murid.

Ketua Pengarah Pendidikan, Azman Adnan, berkata JPN dan pihak sekolah juga sentiasa bekerjasama dengan pihak berkuasa tempatan agar pen-

jualan dalam radius 40 meter dari pagar sekolah tidak berlaku.

Pada masa sama Azman berkata, Kementerian Pendidikan mengambil langkah sewajarnya termasuk memberi kesedaran kepada murid dan ibu bapa berkaitan membeli makanan di tempat yang betul.

AKHBAR : NEWS STRAITS TIME
MUKA SURAT : 6
RUANGAN : NATION

22/2/25 - NST MIS 6 Nasion Saturday

Authorities probe into eyeball-shaped gummy candy

GEORGE TOWN: Authorities have begun a probe into the eyeball-shaped gummy candy that caused the death of a 10-year-old boy.

State Health Committee chairman Daniel Gooi yesterday said preliminary investigations found that the candy was purchased from a stall near SK Sungai Dua, Butterworth, where the boy was studying.

He said inspections were conducted at the nearby stalls.

"The investigation team discovered 'Gummy Original Basketball Soft Candy' at premises in Jalan Sungai Dua and seized the product.

"The State Health Department is investigating the safety of this food product. Further actions

will be coordinated by the Health Ministry's Food Safety and Quality Programme."

Gooi extended the state government's condolences to the family and friends of Mohamad Fahmi Hafiz Mohamad Fakhruddin.

He advised the public, especially parents, to monitor and advise their children to be more cautious in choosing food, especially those with choking risks.

"The state Health Department will continue to monitor and enforce food safety rules and take preventive measures to avoid such incidents in the future."

State Local Government Committee chairman H'ng Mooi Lye said stern action would be taken

if there was a directive to ban the sale of the gummy candy in question.

"We will ensure only licensed traders are allowed to trade outside schools. We will act if there are complaints. For now, we have not received any."

Police have ruled out foul play in Fahmi's death.

Seberang Prai Utara police chief Assistant Commissioner Anuar Abdul Rahman said this was based on the preliminary findings of the post-mortem conducted yesterday.

"The preliminary report confirms that the boy's death shows no sign of criminal elements.

"I am waiting for the full report on the cause of death."

Bernama reported that the Education Ministry had taken steps to raise awareness among students and parents about buying food from safe sources.

Education director-general Azman Adnan said this was crucial to prevent similar incidents in future.

"The ministry considers this incident a priority to ensure it does not happen again," he said after a speech to mark the start of the 2025/2026 school session yesterday.

He said school canteens under the ministry's supervision did not sell such gummy candies.

"In fact, the sale of these candies is prohibited, as gazetted by the Health Ministry."

AKHBAR : THE STAR
MUKA SURAT : 3
RUANGAN : NATION

The Star M/S 3 22/2/25 SATURDAY NATION

Candy violated Food Act

Probe finds gummy product labelling incomplete

PUTRAJAYA: The Health Ministry's investigation into the gummy candy case found that it violated labelling requirements set under the Food Act 1983.

The candy, the size of a ping-pong ball, failed to have the proper labelling requirements set under the Food Regulations 1985 of the Act.

In a statement, the ministry said the product is prohibited from being sold online and in local markets due to the labelling.

Enforcement actions, including product seizures, will be carried out in accordance with the regu-

lations. The ministry said the size or shape of food products is not regulated under the Act through the Food Safety and Quality Programme, except for "controlled jelly confectionery".

Products with a diameter of 45mm or less must be labelled with the warning: "WARNING: MAY POSE A CHOKING HAZARD" and the statement "NOT SUITABLE FOR CHILDREN UNDER 3 YEARS OLD".

Meanwhile, the Education Ministry (MOE) has taken steps to educate students and parents about the importance of choosing

safe foods, said Education director-general Azman Adnan.

He said awareness is important following the recent death of a 10-year-old student in Butterworth who choked on gummy candy.

"MOE sees this (incident) as a priority so that such things do not happen again," he told the media after delivering his message in conjunction with the opening of the 2025/2026 school session here yesterday.

He stressed that school canteens under the supervision of the Education Ministry do not sell

food such as gummy candies and, in fact, the candies cannot be sold as gazetted by the Health Ministry.

Azman said the issue of hawkers outside school premises would be closely monitored by the state education departments (JPN) and schools should contact the local authorities if they notice a hawker within a 40m radius of the school fence.

WATCH THE
VIDEO
TheStarTV.com

